

05 SEP 2002

CUEPACS SAMBUT BAIK KESEDIAAN JPA BINCANG

KUALA LUMPUR, 5 Sept (Bernama) -- Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Di dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) hari ini menyambut baik kesediaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk berbincang mengenai rasa tidak puas hati kakitangan kumpulan sokongan berhubung kenaikan gaji RM15 jika memilih Sistem Saraan Malaysia (SSM).

Setiausaha Agungnya, Abdul Rahman Manan dalam satu kenyataan hari ini berkata kesediaan JPA itu diharap akan dapat melegakan kakitangan sokongan dan Cuepacs dijangka akan mengemukakan cadangan balas berhubung perkara itu kepada JPA tidak lama lagi.

Ketua Pengarah JPA, Tan Sri Jamaluddin Ahmad Damanhuri menyatakan kesediaan berbincang dan menerima cadangan balas Cuepacs mengenai perkara itu semalam.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa mengumumkan mengenai SSM pada 29 Julai lepas, berkata kakitangan awam dari kumpulan sokongan yang memilih sistem itu akan menerima kenaikan gaji sebanyak RM15 manakala kumpulan Pengurusan dan Profesional akan menerima kenaikan RM65 dan RM110 bagi kumpulan Pengurusan Tertinggi.

Abdul Rahman berkata beliau yakin kerajaan akan mengkaji dan mempertimbangkan cadangan balas Cuepacs itu bagi kepentingan kakitangan awam, terutama kumpulan sokongan yang berjumlah kira-kira 847,239 orang atau merangkumi 85.93 peratus dari jumlah keseluruhan kakitangan awam.

Beliau juga berkata Cuepacs turut menyambut baik persetujuan Perdana Menteri untuk mengkaji permohonan Cuepacs supaya kakitangan awam diberikan bonus dua bulan gaji.

-- BERNAMA

AZH AZH MOZ